

Buletin Kesanilan PKNP

PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | www.pknp.gov.my

SUMBANGAN ZAKAT PKNP BANTU RINGANKAN BEBANAN ASNAF DI KAWASAN DUN JENGKA, PAHANG



Penyerahan sumbangan zakat PKNP oleh YAB Menteri Besar Pahang merangkup Pengurus PKNP diiringi oleh ADUN Jengka dan Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

selaku Pengurus PKNP menyampaikan sumbangan zakat PKNP kepada seramai 200 orang anak asnaf di kawasan Dun Jengka.

Turut hadir dipihak PKNP adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek serta Pegawai Perhubungan Korporat PKNP.

Kuantan, 27 April - YH. Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menghadiri Majlis Raikan Raya Peringkat Dewan Negeri Kawasan Jengka Anjuran Penyeiaras Dun Jengka, YH.Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said bertempat di Dewan Balora Mastika, Bandar Tun Razak, Jengka. Turut hadir memeriahkan Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri tersebut adalah YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail.

Dalam program tersebut juga, YH Dato' Ketua Pegawai Eksekutif PKNP telah mengiringi YAB Menteri Besar Pahang



Penduduk Bandar Tun Razak, Jengka hadir bagi memeriahkan majlis bersama-sama YAB Menteri Besar Pahang

PKNP BANTU RINGANKAN PERBELANJAAN PENGURUSAN RUMAH ANAK YATIM DAN PUSAT TAHFIZ

Kuantan, 1 April - Ketua Pegawai Eksekutif, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah berkesempatan melawat ke Pusat Pengajian Pra Tahfiz Darul Hafidz (PUTRA) bertempat di Indera Sempurna bagi penyerahan cek sumbangan kepada pusat pengajian ini yang dihuni oleh seramai 30 orang pelajar.

Pada hari yang sama, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP, Y.Bhg.Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin pula telah berkunjung ke Rumah Kebajikan Anak Yatim Nur Iman di Kampung Kem-padang, Kuantan bagi penyerahan cek sumbangan bagi membantu pengurusan dan pentadbiran anak-anak yatim seramai 83 orang yang menetap di sana.

Semoga dengan bantuan zakat ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan bebanan yang ditanggung oleh mereka dalam usaha melahirkan insan yang cemerlang di dunia dan akhirat.



Penyerahan cek sumbangan kepada Pusat Pengajian Pra Tahfiz Darul Hafidz oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP



Penyerahan cek sumbangan kepada Rumah Kebajikan Anak Yatim Nur Iman oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) PKNP

PECUTAN AKHIR RAMADAN: PKNP SERAH SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DAN ANAK YATIM DI KAWASAN DUN BEBAR



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP menyerahkan cenderamata kepada Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Pahang

Kuantan, 7 April - Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP, Encik Mohd Razif bin Abdul Malek telah hadir ke Majlis Berbuka Puasa Anjuran Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Pahang, Dato' Haji Mohammad Fakharuddin bin Mohd Ariff di Masjid Bandar Dua, Paloh Hinai.

Dalam majlis tersebut, PKNP telah menyerahkan sumbangan kepada 71 penerima di kawasan Dun Bebar yang terdiri daripada 36 orang asnaf dan 35 orang anak yatim.

Turut hadir dipihak PKNP adalah Pengurus Hal Ehwal Korporat PKNP, Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim serta Pegawai Perhubungan Korporat PKNP, Puan Dhaleazafarina Md Zabani.

SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI 2024

Kuantan, 10 April - Selamat Menyambut Hari Raya, Maaf Zahir dan Batin.

Kian Berlabuh Tirai Ramadan,
Lambaian Syawal Kian Dinanti,
Luhur Hati Ikhlas Kemaafan,
Agar Kesalahan Saling Dimaafi.

Ikhlas daripada,
Pengerusi, Ahli Perbadanan, Pengurusan
dan seluruh Anggota Pekerja Kumpulan
PKNP.



PKNP SERAH SUMBANGAN KEPADA GOLONGAN ASNAF DI JPKK NENASI, DUN BEBAR, PEKAN, PAHANG

Kuantan, 26 April - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah turut serta dalam Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2024 anjuran JPKK Kg Nenasi, Pekan bagi menyerahkan sumbangan kepada golongan asnaf di kampung tersebut yang meliputi kawasan pantai dan darat.

PKNP yang dihadiri oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek bagi mewakili Ketua Pegawai Eksekutif PKNP telah menyampaikan sumbangan kepada 138 orang penerima yang terdiri daripada golongan miskin, pesakit kronik dan ibu tunggal.



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) sedang memberikan ucapan aluan



Penyerahan sumbangan zakat PKNP kepada salah seorang penerima oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) PKNP

JPKK Kg Nenasi merupakan salah satu kampung yang menerima sumbangan dari PKNP mengambil kira kampung ini adalah kampung angkat PKNP dibawah Program Transformasi Desa (TERAS) GLC di bawah Kerajaan Pahang.

Program penyerahan sumbangan seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa oleh PKNP bagi membantu golongan asnaf yang memerlukan demi meringankan beban yang ditanggung.

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PKNP TURUN PADANG SERAH SUMBANGAN ZAKAT DI TEMERLOH DAN JERANTUT



Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Pahang menyerahkan sumbangan kepada 100 orang asnaf sambil diiringi oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

Seterusnya, program serahan sumbangan diteruskan di Daerah Jerantut dengan sesi penyerahan zakat kepada 30 murid asnaf dan yatim di SK Damak dan 25 pelajar asnaf SMK Damak.

Di sebelah malam pula, Ketua Pegawai Eksekutif PKNP berkesempatan menghadiri Majlis Berbuka Puasa anjuran JPKK Kampung Damak dan seterusnya mengagihkan sumbangan zakat kepada 40 orang asnaf di kampung tersebut serta pemberian duit raya kepada anak-anak di sana.

Kuantan, 4 April - Ketua Pegawai Eksekutif PKNP telah mengikuti empat (4) program serahan sumbangan zakat PKNP termasuk di Dun Kerdau Temerloh dan Kampung Damak, Jerantut.

Program sumbangan ini dimulakan di perkarangan rumah Dato' Sri Syed Ibrahim Syed Ahmad, Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Luar Bandar dan Hal Ehwal Orang Asli Pahang dengan menyaksikan sumbangan zakat PKNP kepada seramai 100 orang asnaf.



Seramai 30 murid asnaf dan yatim di SK Damak telah menerima sumbangan zakat PKNP



Seramai 25 pelajar asnaf di SMK Damak telah menerima sumbangan zakat PKNP



Pemberian duit raya kepada anak-anak penduduk Kampung Damak



Penyerahan sumbangan kepada salah seorang golongan asnaf Kampung Damak oleh Ketua Pegawai Eksekutif PKNP

PROGRAM IFTAR CAKNA KASIH ASNAF



Penyerahan sumbangan zakat PKNP kepada para asnaf oleh Pemangku Pengurus Teknik selaku Naib Presiden 1 Kelab Keluarga Kumpulan PKNP

Kuantan, 3 April - Program Iftar Cakna Kasih Asnaf merupakan program yang dianjurkan bagi menyantuni para asnaf yang berada di sekitar bandar Kuantan. Seramai 30 asnaf yang terpilih telah hadir dalam program anjuran bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan Restoran Pot Sembang Kari.

Para asnaf telah menerima sumbangan Wakalah PKNP sebagai bantuan kepada para asnaf bagi persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri kelak.

Program ini telah dihadiri oleh Naib Presiden 1 Kelab

Keluarga Kumpulan PKNP, Encik Issma Rohaizad Abdul Wahab. Hadir bersama ialah Penolong Pengurus Hal Ehwal Korporat, Puan Dhaleazafarina Md Zabani dan turut bersama ialah Pemilik Restoran Sembang Kari Puan Siti Khadijah serta ahli-ahli Kelab Keluarga Kumpulan PKNP.

Kelab Keluarga Kumpulan PKNP merakamkan ucapan penghargaan kepada Restoran Pot Sembang Kari atas kesudian bekerjasama dan menaja juadah berbuka puasa bagi melancarkan program ini.



Seramai 30 orang asnaf hadir bagi menerima sumbangan

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ZAKAT DI TEMERLOH DAN JERANTUT



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ZAKAT PKNP DI KAWASAN DUN JENGKA, PAHANG



PENAUNG / PENASIHAT
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

Didang Redaksi

KETUA EDITOR
Encik Muhammad Farhan bin Mohd Kamarulzaman

GRAFIK
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar